



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

Dvs Lancar Kod Etika dan Tatakelakuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Online	21 Nov



PUTRAJAYA, 21 Nov (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini melancarkan Kod Etika dan Tatakelakuan DVS yang menggabungkan komponen nilai, etika dan tatakelakuan yang perlu dipatuhi dan dibudayakan oleh warga kerja jabatan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid berkata Kod Etika dan Tatakelakuan DVS, yang mengandungi tiga komponen utama iaitu 17 Nilai Teras DVS; enam Prinsip Etika DVS; dan 23 Tatakelakuan; merupakan

salah satu inisiatif utama yang telah diwujudkan di bawah Pelan Strategi Antirasuah dan Integriti Veterinar 2022-2026 atau STRIVE.

"Dalam misi untuk menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti di Malaysia, jabatan ini beriltizam untuk melaksanakan tugasnya dengan penuh integriti dan tanggungjawab bagi memastikan seluruh warga jabatan bebas daripada sebarang is tatakelakuan, rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan

kesalahan tatatertib.

"Justeru, Kod Etika dan Tatakelakuan DVS telah dibangunkan sebagai panduan yang menghimpunkan nilai, etika dan tatakelakuan untuk dihayati serta dibudayakan oleh semua warga DVS dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada negara," katanya semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Integriti DVS Tahun 2024 di sini hari ini.

Kod Etika dan Tatakelakuan DVS itu dilancarkan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Azah Hanim Ahmad.

Di bawah Kod Etika dan Tatakelakuan DVS itu, antara 17 Nilai Teras yang perlu diamalkan setiap masa oleh pegawai jabatan itu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ialah adil, amanah, benar, berani, bijaksana, cekal, ikhlas, rajin, taat setia dan telus.

Enam Prinsip Etika DVS pula memerlukan pegawai jabatan itu melaksanakan etika kerja berlandaskan prinsip berintegriti; akauntabiliti; mematuhi dan mendaulatkan undang-undang; mengamalkan budaya kerja yang mulia dan sempurna; mengamalkan ciri-ciri profesionalisme; dan

menjaga kerahsiaan.

Di bawah elemen Tatakelakuan, pegawai DVS perlu berpegang dengan Aku Janji untuk Pegawai Awam, bilamana mereka dituntut untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Azah Hanim dalam ucapannya berkata penghayatan dan pelaksanaan Kod Etika dan Tatakelakuan itu boleh memantapkan lagi integriti warga DVS yang seterusnya boleh mengekang isu tatakelakuan, rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan kesalahan tatatertib.

"Bagi saya, pembangunan Kod Etika dan Tatakelakuan oleh DVS ini adalah satu pencapaian yang membanggakan.

"Kod Etika dan Tatakelakuan ini wajar menjadi satu seruan kepada semua warga DVS untuk mempunyai nilai, integriti dan etika yang tinggi dengan menjadikan dokumen ini sebagai satu landasan kepada setiap tindakan dan keputusan di

jabatan ini," katanya.-
BERNAMA

Wajar Laksana Penggiliran di Tempat Kerja

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Khas	Online	21 Nov



Warga DVS yang mengambil bahagian dalam integrity pocket talk pada Khamis.

PUTRAJAYA - Kaedah penggiliran tempat kerja wajar dilaksanakan oleh setiap jabatan sebagai salah satu usaha penyelesaian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan integriti termasuk rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia Rasuah Busters, Nurhayati Nordin berkata, keberadaan yang lama bagi pegawai di sesuatu tempat atau jawatan membuka ruang kepada isu tersebut.

Jelas beliau, tekanan sekeliling, ketamakan dan ruang merupakan punca kepada berlakunya rasuah.

"Jadi penggiliran di tempat kerja ini mampu menutup ruang berlakunya rasuah," katanya.

Menurutnya, tempoh lima tahun di sesuatu jawatan atau lokasi penempatan merupakan tempoh yang panjang namun ia bergantung kepada keperluan sesebuah jabatan.

"Jika tidak dapat

melaksanakannya atas alasan tertentu, maka pengawasan perlu dibuat bagi memastikan perkara yang dikaitkan dengan integriti dapat dicegah," ujar Nurhayati.

Beliau berkata, sekiranya tiada perubahan selepas penggiliran dilaksanakan, tindakan penguat kuasa perlu diambil oleh pihak atasan.

"Adalah amat penting agar ada pemantauan dan pelaporan turut dilakukan supaya penilaian ke atas pekerja dapat dibuat seadil-adilnya," katanya.

Terdahulu, Nurhayati meluangkan masa selama sejam berkongsi mengenai isu integriti dalam pekerjaan di hadapan 250 pegawai sempena Sambutan Hari Integriti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), di sini pada Khamis.

Pada majlis itu, DVS turut melancarkan Kod Etika dan Tatakelakuan sebagai panduan yang menggabungkan komponen nilai, etika dan tatakelakuan yang perlu dipatuhi serta dibudayakan.

Kod Etika dan Tatakelakuan berkenaan merangkumi komponen nilai, etika dan tatakelakuan utama yang perlu diamalkan, termasuk

do's and don'ts sebagai pegawai awam.

Jabatan itu turut membangunkan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan DVS yang telah berkuat kuasa pada 21 Oktober lalu sebagai usaha berterusan DVS untuk memperkukuh dan membudayakan perkhidmatan yang berintegriti dan berkualiti.

Majlis yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Azah Hanim Ahmad itu turut dihadiri oleh Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid.-

[SINARHARIAN](#)

DVS Launches Code Of Ethics and Conduct

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	General	Online	21 Nov



PUTRAJAYA, Nov 21 (Bernama) -- The Department of Veterinary Services (DVS) today launched the DVS Code of Ethics and Conduct, which integrates values, ethics and conduct components that must be adhered to and cultivated by the department's workforce.

Veterinary Services director-general Dr Akma Ngah Hamid said the code, which contains three main components — 17 Core Values of DVS, six DVS Ethical Principles and 23 Conduct Guidelines — represents one of the key initiatives created

under the Veterinary Anti-Corruption and Integrity Strategy Plan 2022-2026, or STRIVE.

“In the mission to provide quality veterinary services in Malaysia, this department is committed to performing its duties with full integrity and responsibility to ensure that all staff members are free from any issues related to misconduct, corruption, misappropriation, abuse of power and disciplinary offences.

“Therefore, the DVS Code of Ethics and Conduct has been

developed as a guide that consolidates values, ethics, and conduct, which should be embraced and cultivated by all DVS personnel in carrying out their duties and responsibilities to the nation,” she said in her speech at the 2024 DVS Integrity Day celebration here today.

The code was launched by Deputy Secretary-General (Policy) of the Ministry of Agriculture and Food Security, Datuk Azah Hanim Ahmad.

Under the code, among the 17 Core Values that must be practised at all times by department officers in carrying out their duties and responsibilities are fairness, trustworthiness, truthfulness, courage, wisdom, resilience, sincerity, diligence, loyalty and transparency.

The six DVS Ethical Principles require department officers to carry out their work based on principles of integrity; accountability; adherence to and upholding of the law; fostering a noble and perfect work culture; embracing professionalism; and maintaining confidentiality.

Under the Conduct Guidelines, DVS officers must adhere to the ‘Aku Janji’ pledge, which requires them to comply with the Public

Service Regulations (Conduct and Discipline) 1993, General Orders, circulars, directives and other regulations issued by the government from time to time.

Meanwhile, Azah Hanim, in her speech, said the understanding and implementation of the Code of Ethics and Conduct could further strengthen the integrity of DVS personnel, thereby helping to curb issues related to misconduct, corruption, misappropriation, abuse of power and disciplinary offences.

“For me, the development of this Code of Ethics and Conduct by DVS is an achievement to be proud of.

“This code should serve as a call to all DVS personnel to uphold high values, integrity and ethics, using this document as a foundation for every action and decision within the department,” she said.-[BERNAMA](#)

Veterinary Department Launches Code Of Ethics And Conduct

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	21 Nov

PUTRAJAYA: The Veterinary Services Department (DVS) on Thursday launched the DVS Code of Ethics and Conduct, which integrates values, ethics and conduct components that must be adhered to and cultivated by the department's workforce.

Veterinary Services director-general Dr Akma Ngah Hamid said the code, which contains three main components - 17 Core Values of DVS, six DVS Ethical Principles and 23 Conduct Guidelines - represents one of the key initiatives created under the Veterinary Anti-Corruption and Integrity Strategy Plan 2022-2026, or STRIVE.

"In the mission to provide quality veterinary services in Malaysia, this department is committed to performing its duties with full integrity and responsibility to ensure that all staff members are free from any issues related to misconduct, corruption, misappropriation, abuse of power and disciplinary offences.

"Therefore, the DVS Code of

Ethics and Conduct has been developed as a guide that consolidates values, ethics, and conduct, which should be embraced and cultivated by all DVS personnel in carrying out their duties and responsibilities to the nation," she said in her speech at the 2024 DVS Integrity Day celebration here on Thursday (Nov 21).

The code was launched by Deputy Secretary-General (Policy) of the Agriculture and Food Security Ministry, Datuk Azah Hanim Ahmad.

Under the code, among the 17 Core Values that must be practised at all times by department officers in carrying out their duties and responsibilities are fairness, trustworthiness, truthfulness, courage, wisdom, resilience, sincerity, diligence, loyalty and transparency.

The six DVS Ethical Principles require department officers to carry out their work based on principles of integrity; accountability; adherence to and upholding of the law; fostering a noble and perfect work culture; embracing

professionalism; and maintaining confidentiality.

Under the Conduct Guidelines, DVS officers must adhere to the 'Aku Janji' pledge, which requires them to comply with the Public Service Regulations (Conduct and Discipline) 1993, General Orders, circulars, directives and other regulations issued by the government from time to time.

Meanwhile, Azah Hanim, in her speech, said the understanding and implementation of the Code of Ethics and Conduct could further strengthen the integrity of DVS personnel, thereby helping to curb issues related to misconduct, corruption, misappropriation, abuse of power and disciplinary offences.

"For me, the development of this Code of Ethics and Conduct by DVS is an achievement to be proud of.

"This code should serve as a call to all DVS personnel to uphold high values, integrity and ethics, using this document as a foundation for every action and decision within the department," she said. - [THESTAR](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR